
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2011/2012

Jun 2012

YBP 224 – Perhubungan Awam

Masa: 2 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat bercetak.

Jawab **DUA (2)** soalan.

Setiap soalan bernilai 100 markah.

- 2 -

1. Pilih dan jawab lima daripada soalan-soalan berikut:
 - (a) Bezakan elemen Hal Ehwal Awam dengan Pelobian (lobbying) dalam hubungan organisasi dengan kerajaan.
 - (b) Jelaskan kekeliruan antara pemasaran dan perhubungan awam
 - (c) Nyatakan kebaikan dan kelemahan jabatan perhubungan dalaman organisasi dan firma perhubungan awam luaran.
 - (d) Senaraikan dan bincangkan dengan ringkas tugas pengamal perhubungan awam kerajaan.
 - (e) Jelaskan langkah-langkah dalam proses penilaian perhubungan awam.
 - (f) Bezakan antara publik terpendam dan publik aktif. Gunakan contoh yang sesuai untuk menjelaskan keduanya.
 - (g) Jelaskan model perhubungan awam oleh Grunig dan Hunt (1984).

2. Anda adalah pengamal perhubungan awam di sebuah firma perhubungan awam. Salah seorang pelanggan anda meminta nasihat terhadap keperluan dan matlamat program komunikasi dalaman (staf). Syarikat ini telah berkembang dan mempunyai beberapa cawangan di negara ini. Nasihat anda penting kerana pelanggan anda perlu meyakinkan pihak pengurusannya tentang kepentingan program komunikasi dalaman ini.
 - (a) Gariskan (*outline*) matlamat utama komunikasi dalaman dan bagaimana ia penting untuk mencapai misi syarikat.
 - (b) Berikan beberapa program komunikasi dalaman yang anda rancang dengan justifikasinya supaya pihak pengurusan bersetuju menyediakan peruntukannya.

3. Persaingan sengit di kalangan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dan Organisasi Bukan Keuntungan (NPO) untuk mendapatkan sumber dana yang terhad telah menyumbang kepada perubahan-perubahan dalam amalan perhubungan awam di organisasi-organisasi tersebut. Bincangkan perubahan-perubahan amalan perhubungan awamnya.